



# Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 29 April 2024

## Nestlé Malaysia catat prestasi mantap pada S1 2024

### **SOROTAN PENTING**

- Perolehan RM1.78 bilion dicatatkan pada S1 2024, lebih rendah sedikit berbanding suku yang sama tahun lepas, terutamanya disebabkan selang masa musim perayaan dan perbelanjaan pengguna yang lebih cermat dalam persekitaran yang mencabar.
- Untung Selepas Cukai kukuh berjumlah RM195.5 juta pada S1 2024, pada asasnya tetap stabil berbanding suku tahun yang sama pada 2023.

**PETALING JAYA, 29 April 2024** – Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan prestasi yang mantap pada suku pertama berakhir 31 Mac 2024 (S1 2024), berlatarkan persekitaran kuasa beli pengguna yang terhad dan persaingan yang semakin meningkat.

### **Penilaian prestasi: Suku 1, 2024 berbanding Suku 1, 2023**

Pada S1 2024, Kumpulan mencatatkan perolehan RM1.78 bilion, anggaran 3.2% lebih rendah berbanding RM1.84 bilion yang dilaporkan pada suku yang sama tahun sebelumnya. Penyusutan ini terutamanya disebabkan sedikit penurunan dalam jualan domestik berbanding suku tahun yang sama tahun lepas.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Dalam persekitaran yang mencabar di mana pengguna terus berbelanja secara berhemat dan juga landskap persaingan yang sengit, kami terus memberi tumpuan kepada membekalkan produk bermutu tinggi, buatan Malaysia, oleh rakyat Malaysia, untuk memenuhi kehendak cita rasa, kemudahan, pemakanan dan nilai rakyat Malaysia. Memandangkan jangka masa yang singkat antara Tahun Baharu Cina dan permulaan Ramadan, pasukan kami menumpukan segala usaha memastikan pelaksanaan komersial yang berkesan, komunikasi yang sesuai dan kecemerlangan operasi di semua saluran.”

Inovasi sekali lagi memainkan peranan penting pada suku tahun yang dilaporkan, dengan tawaran bermusim seperti KIT KAT Dragon, serta produk tambahan lazat dan menyenangkan dalam rangkaian HARVEST GOURMET, seperti Paf Pastri baharu. NESTLÉ ENERCAL COMPLETE telah dilancarkan semula pada suku tahun ini, membawakan penyelesaian pemakanan lengkap yang dihasilkan untuk memenuhi keperluan pemakanan dewasa yang menyokong proses penuaan yang sihat. Di samping itu, MAGGI

IN MY MUG, telah diperkenalkan untuk menawarkan pilihan mudah baharu untuk menikmati Mi Maggi pada bila-bila masa. Produk ini mendapat sambutan hebat di peringkat awal daripada rakyat Malaysia dan disediakan dalam bungkusan yang lebih mesra alam dan menyenangkan pengguna.

Untung Sebelum Cukai dan Untung Selepas Cukai bagi S1 2024 kekal kukuh, masing-masing pada tahap RM259.1 juta dan RM195.5 juta, dengan tahap keuntungan dalam peratusan jualan yang lebih tinggi sedikit berbanding S1 2023. Dari segi perangkaan mutlak, kemerosotan kecil 1.2% dan 0.8% yang dialami sebahagian besarnya menunjukkan bahawa kesan jualan yang lebih rendah sedikit telah diimbangi dengan berkesan oleh langkah proaktif untuk mengurangkan kos dan juga harga komoditi lebih rendah berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

En. Aranols menambah, "Selain daripada kedudukan kewangan yang kukuh, kami terus mencapai kemajuan besar dalam agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), dengan menggiatkan semua program sedia ada kami yang terus menunjukkan kemajuan. Satu mercu jaya penting yang dicapai ialah pelancaran rasmi dandang biojisim kami di Kilang Chembong, Negeri Sembilan, iaitu kilang MILO terbesar di dunia bagi Nestlé, yang membolehkan kami mengurangkan emisi gas rumah hijau kilang bersamaan 14,000 tan CO2 setahun."

"Pada suku tahun ini, kami terus prihatin terhadap keperluan masyarakat dengan menjalankan pelbagai program bermakna yang dilaksanakan untuk menyokong komuniti tertentu, termasuk inisiatif seperti membekalkan barang keperluan sekolah kepada 2,600 murid sekolah rendah di seluruh negara; atau pelbagai sumbangan makanan yang dibiayai oleh jenama-jenama kami. Kami juga berbesar hati dapat bekerjasama dengan pelbagai organisasi sepanjang bulan Ramadan yang mulia, termasuk memberi bantuan kepada pelarian Palestin dan Syria di Malaysia, dengan kerjasama pertubuhan bukan berasaskan keuntungan Malaysian Humanitarian Aid and Relief (MAHAR)."

### **Prospek**

En. Aranols mengulas, "Walaupun masih di awal tahun, kami sudah dapat melihat bahawa 2024 merupakan tahun yang agak mencabar dengan tekanan terhadap pertumbuhan jangka pendek akibat kesan berterusan daripada inflasi, ketidakstabilan tukaran asing terhadap kuasa beli rakyat Malaysia dan juga persaingan yang semakin meningkat. Kami akan mengekalkan tumpuan, seperti yang kami lakukan sepanjang tempoh 112 tahun kami bertapak di negara ini, untuk memenuhi keperluan dan jangkaan rakyat Malaysia, sambil menjadi rakan kerjasama yang bertanggungjawab dan proaktif untuk membawa kesan positif kepada segenap lapisan masyarakat. Usaha ini sejajar dengan misi kami meningkatkan taraf hidup masyarakat dan beralih kepada masa depan yang lebih lestari demi manfaat seluruh rakyat Malaysia."

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6456  
Bimbit: +6012-235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

#### **Shahida Irawan atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
Bimbit: +6019 688 7204 (Shahida) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)